
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SAU213 – Gender Ideologi dan Kuasa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Bahagian A adalah wajib dan jawab DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Walaupun Patriarki dan “Resurgent Patriarchy” (kebangkitan patriarki) mempunyai banyak persamaan, tetapi perbezaan juga sangat ketara. Apakah yang dimaksudkan dengan “Resurgent Patriarchy” yang banyak berlaku sejak tujuh puluhan di serantau Asia? Bincangkan kebangkitan patriarki tersebut sejak tujuh puluhan di Malaysia dan di rantau ini. Bagaimanakah ianya mempengaruhi:
 - a) hubungan jantina
 - b) peranan lelaki dan wanita
 - c) kedudukan wanita dalam sphera domestik dan masyarakat di Malaysia.

Contoh-contoh perlu munasabah.

(40 markah)

Bahagian B

2. Adakah Globalisasi membawa banyak perubahan kepada pekerjaan wanita di Malaysia? Bincangkan kesan-kesan ini ke atas pekerjaan wanita dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Beri contoh-contoh.

3. Banyak undang-undang di Malaysia (sivil dan syariah) masih mendiskriminasi kaum wanita. Apakah undang-undang itu dan beri cadangan untuk memperbaiki mereka supaya hubungan janitna lebih adil dan saksama.

(30 markah)

4. Keganasan terhadap wanita oleh lelaki banyak kaitannya dengan patriarki. Beri analisa anda tentang kaitan keganasan dan patriarki ini. Apakah jenis-jenis keganasan terhadap wanita? Bincangkan undang-undang dan lain-lain usaha yang telah dibuat sejak lapan puluhan untuk mengatasi keganasan ini. Beri contoh-contoh.

(30 markah)

5. Perjuangan feminism di Malaysia telah banyak dijalankan oleh NGO's. Apakah jenis-jenis feminism yang ketara dalam perjuangan ini? Buat perhubungan antara jenis feminism dan isu-isu yang diperjuangkan itu. Perbincangan perlu dibuat dari tahun-tahun lima puluhan sehingga hari ini. Contoh-contoh perlu diberi untuk memperkuatkan pandangan anda.

(30 markah)

- oo oo oo -